

UMNO lancar kempen raksasa mulai 20 Ogos

● Dari muka 1

Tiga perwakilan UMNO dari setiap bahagian yang diundang ialah Ketua atau Timbalannya, Ketua Pengerang dan Setiausaha Bahagian.

Selepas pelancaran kempen di peringkat pusat, kempen di peringkat negeri pula menyusul dengan diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri masing-masing.

Pelancaran kempen di peringkat bahagian pula akan dihadiri oleh perwakilan cawangan masing-masing.

Kempen tersebut akan berakhir sehingga tarikh tutup pendaftaran undi

pada 27 September depan.

Datuk Mustafa menganggap, kempen tersebut perlu dianjurkan oleh UMNO sendiri, memandangkan UMNO menjadi teras kerajaan dalam negara ini bagi mewujudkan dan mempertahankan sistem demokrasi berparlimen.

Bellau berharap, bila kempen itu sampai ke peringkat cawangan UMNO nanti, anggota-anggotanya akan memainkan peranan masing-masing menggerakkan pengundi tempatan.

Bellau yakin kempen seumpama itu lebih berkesan di samping kempen menerusi media massa.

adalah penting sekali untuk memilih pemimpin yang duduk dalam Dewan Negeri atau Parlimen dan seterusnya memilih kerajaan yang memerintah di masa akan datang.

"Rakyat perlu mengundi bagi mempertahankan demokrasi berparlimen yang telah kita anuti sejak zaman mencapai kemerdekaan lagi," tegas beliau.

"Negara kita sedang pesat membangun di semua bidang menerusi pemerintahan berparlimen untuk kesejahteraan rakyat seluruhnya," jelas beliau lagi.

Suruhanjaya Pilihanraya akan mengadakan sidang akhbar pagi esok bagi menerangkan persiapannya menjelang hari mendaftar undi dua hari lagi.

Dalam kempen pendaftaran pengundi masa lalu iaitu yang dibuka dari 2 Jun hingga 13 Julai, 1977 jumlah pendaftaran telah meningkat kira-kira 15 peratus dengan bilangan tambahan 880,775 pengundi baru dan menjadikan jumlah pengundi berdaftar seluruhnya 5,072,482 orang.

Pilihanraya umum yang lalu diadakan pada 8 Julai, 1978.

Dijangkakan, dalam pilihanraya umum yang diduga bulan Mei pertengahan tahun depan atau selewatnya menjelang 1983 nanti, akan bertambah lagi bilangan pengundi baru.

Istimewa

Datuk Haji Mustafa berkata, Datuk Musa telah mencadangkan supaya hadiah istimewa atau cenderamata diberikan kepada bahagian-bahagian UMNO yang berjaya menarik pengundi mendaftar terbanyak sekali.

Tawaran hadiah istimewa itu dianggap satu keghalahan yang akan melampatkan persaingan hebat antara bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan UMNO menjelang kempennya nanti.

Kepada mereka yang layak mengundi, Datuk Haji Mustafa menyeru supaya segera mendaftar dan jangan berlengah-lengah lagi merebut peluang itu.

"Kerana hak mereka

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia